

Kejayaan UMNO tarik minat parti Kazakhstan jalin kerjasama

Um - 15/11/2006

KUALA LUMPUR 14 Nov. – Kejayaan UMNO menerajui negara selama 60 tahun menarik minat sebuah parti dari Kazakhstan untuk menjalinkan kerjasama dua hala dengan parti terbesar milik orang Melayu itu.

Berikutan itu, satu perjanjian kerjasama dimeterai antara UMNO dengan parti pemerintah dari Kazakhstan itu, Otan pada satu majlis ringkas di Ibu Pejabat UMNO di sini malam ini.

Pada majlis itu, UMNO diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad manakala Otan diwakili oleh Pemangku Pengerusinya, Bakythzan Zhumagulov.

Majlis itu disaksikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Duta Kazakhstan di Malaysia, Muktar Tleubedi.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, dua naib presiden iaitu

Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta dan ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Media Ibu Pejabat UMNO hari ini, isi perjanjian itu akan dikuatkuasakan serta-merta dan dimeterai dalam bahasa Inggeris dan Kazakh.

Katanya, jika timbul sebarang perselisihan atau keraguan, kedua-dua pihak perlu merujuk kepada teks perjanjian dalam bahasa Inggeris.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Jamaluddin Jarjis berkata, satu perjanjian bersama akan dimeterai dengan delegasi terbabit untuk menjalin kerjasama dalam bidang tertentu termasuk IT.

“Saya akan mengetuai delegasi kementerian ke Kazakhstan, bulan depan bertujuan mengadakan perbincangan lebih lanjut tentang hubungan kerjasama ini khusus dalam IT,” katanya.